



اِنْسْتِيْتُوْتْ لَاتِيَهَنْ دَارِ النَّعِيْمِ
INSTITUT LATIHAN DARUL NAIM

PT 1724 – PT 1727, LEBUHRAYA TUNJUNG – PASIR MAS,
BANDAR BARU TUNJUNG, 16010 KOTA BHARU, KELANTAN
☎ : 09-7128150 | ✉ idan@kelantan.gov.my | 🌐 idan.kelantan.gov.my



Ruj. Kami : IL DAN.(5)100- 15 (193)

Bertarikh : 11 Rejab 1445H

: 23 Januari 2024

Ke Majlis,
En. Adillah bin Abu Samah,
Ketua Pegawai Eksekutif Me12pay Digital Sdn. Bhd.
8-19-01 Worldwide@7,
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7,
40000 Shah Alam,
Selangor.

Tuan,

**PELANTIKAN ME12PAY DIGITAL SDN. BHD. SEBAGAI PENYEDIA SISTEM BAGI
PENDIGITALAN SENARAI SEMAK PROGRAM DAN AKTIVITI DASAR
PENDIDIKAN RABBANI KELANTAN (DPRK)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) berhasrat menjalinkan kerjasama dengan pihak Me12pay Digital Sdn. Bhd. Bagi penyediaan sistem dan pendigitalan Senarai Semak Program dan Aktiviti Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK).
3. Pendigitalan senarai semak ini sangat diperlukan bagi memudahkan pelaporan dan pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) oleh Unit Hal Ehwal Murid, Yayasan Islam Kelantan (YIK).
4. Melalui kerjasama ini, IL DAN berharap agar pihak Me12pay dapat mengurus dan menyediakan sistem berpusat dengan perincian berikut :
 - 4.1 Menyediakan sistem pelaporan DPRK berdasarkan buku Senarai Semak Program dan Aktiviti DPRK terbitan Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK)
 - 4.2 Memberikan akses sistem kepada Unit Hal Ehwal Murid Yayasan Islam Kelantan sebagai pemantau dan sekolah-sekolah di bawah seliaan Yayasan Islam Kelantan sebagai pelapor.
 - 4.3 Me12pay akan melatih dan memberikan taklimat keseluruhan kepada kakitangan Unit Hal Ehwal Murid Yayasan Islam Kelantan bagi menerangkan cara penggunaan sistem berkenaan.
 - 4.4 Memastikan sistem mempunyai sistem keselamatan yang baik dan stabil.

5. Pihak ILDAN sedia bekerjasama bagi membangunkan sistem dengan syarat tiada sebarang implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh ILDAN dan pemilikan kandungan Senarai Semak Laporan dan Aktiviti Pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) adalah hak milik ILDAN sepenuhnya. Sebarang perubahan kandungan perlu mendapat persetujuan ILDAN terlebih dahulu.


Segala kerjasama dan keprihatinan dari pihak tuan amat dihargai dan kami dahului dengan jutaan terima kasih.

Sekian, wassalam.

*** ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT ***

*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM – KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN***

Saya yang menjalankan amanah,



DR. AZIZI UMAR

Pengarah

Institut Latihan Darul Naim



ILDAN